

KEDUDUKAN MANGSA BANJIR SEBAGAI PENERIMA ZAKAT DAN CADANGAN PENGAPLIKASIANNYA DI MALAYSIA

THE STATUS OF FLOOD VICTIMS AS ZAKAT RECEIPIENTS AND ITS RECOMMENDATIONS TO BE APPLIED IN MALAYSIA

Siti Fariza M.F.¹, Azman A.R.², Sanep Ahmad³ & Hairunnizam Wahid⁴

ABSTRAK

Pada 24 Disember 2014, bencana banjir telah melanda Malaysia khususnya di kawasan pantai timur yang mengakibatkan kerugian jutaan ringgit dan mengorbankan banyak nyawa. Kawasan yang paling teruk terjejas adalah negeri Kelantan, yang melibatkan jumlah mangsa banjir di sembilan jajahan seramai 34,955 orang mangsa. Mereka yang terlibat dengan bencana banjir kehilangan harta seperti tempat kediaman, kenderaan, ladang punca pendapatan dan peralatan asas untuk menjalani kehidupan. Keadaan yang dialami oleh mereka tidak terlepas daripada mata-mata masyarakat yang prihatin untuk menyalurkan bantuan. Timbul persoalan tentang kedudukan mangsa banjir sebagai asnaf yang berhak menerima zakat. Justeru, kajian ini akan menilai kedudukan mangsa banjir sebagai penerima zakat. Kajian ini juga akan mencadangkan skim bantuan yang sesuai untuk diberikan kepada mangsa banjir sekiranya mereka berhak menerima zakat. Hasil kajian mendapati bahawa mangsa banjir layak menerima bantuan zakat di bawah kategori asnaf al-gharimin menepati syarat sebagai penerima zakat. Skim bantuan yang dicadangkan adalah bantuan berbentuk keperluan asasi seperti skim bantuan tempat tinggal, makanan dan pakaian. Implikasi kajian memberikan garis panduan kepada institusi zakat dalam menyediakan bantuan kepada mangsa banjir. Kajian lanjutan boleh dilakukan dalam mengenalpasti keberkesanan skim bantuan yang diberikan kepada mangsa banjir.

Kata kunci: Hak zakat, asnaf lapan, darurat dalam Islam, mangsa banjir, skim bantuan.

ABSTRACT

On 24 December 2014, floods have plagued Malaysian society, especially in the east coast which resulted in losses of millions of ringgit and many lives. The most affected areas were the states of Kelantan, involving the number of victims in nine districts with a total of 34,955 victims. Those involved with flood loss of property such as houses, vehicles, farm equipment and basic source of income. People are also concerned and lend a hand. Questions arise regarding the eligibility of flood victims as the one of the eight zakat recipients. Therefore, this study will evaluate the position of victims as beneficiaries zakat itself. The study will also recommended an appropriate scheme for the flood victims if they are entitled to receive zakat. The study found that the victims were entitled under the category of recipients of zakat al-gharimin because they are having difficulties in getting the necessities in basic needs. The proposed scheme will provide assistances in housing, food and clothing, because of human needs. The implications of the study provides guidelines to zakat institutions in providing assistance to flood victims. Future studies can be conducted to identify the effectiveness of the scheme of zakat that are provided to the victims.

Keywords: Rights of zakat, eight asnaf, emergency within Islam, flood victims, zakat scheme.

¹ Pelajar Ijazah Lanjutan, Sarjana Ekonomi Islam, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: farizafisal@gmail.com.

² Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. E-mail: azman@usim.edu.my.

³ Profesor Madya, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, 43650 Kajang, Selangor. E-mail: sanep@ukm.edu.my.

⁴ Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi, 43650 Kajang, Selangor. E-mail: hairun@ukm.edu.my.

PENGENALAN

Banjir yang berlaku di negeri Kelantan pada tanggal 24 Disember 2014 melibatkan sebanyak sembilan buah jajahan iaitu Gua Musang, Jeli, Kota Baharu, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Tumpat dan Kota Bharu. Selain negeri Kelantan, bencana banjir turut melanda kawasan lain seperti di kawasan perairan Pahang, Johor Timur, Kelantan, Terengganu, Sarawak, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat) dan Wilayah Persekutuan Labuan. Mangsa-mangsa yang tidak mempunyai tempat perlindungan dipindahkan ke pusat pemindahan yang telah disediakan. Kesulitan yang dialami oleh mangsa banjir menjadi indikator kepada perlunya sebuah kajian dijalankan untuk menentukan sama ada mereka termasuk di dalam kategori asnaf zakat.

Al-Quran telah menetapkan lapan kategori asnaf yang berhak menerima bahagian zakat iaitu asnaf fakir, miskin, amil, orang yang dijinakkan hati (*mualaf*), *al-riqab*, *al-gharimin*, *ibnu sabil* dan *fi sabilillah*. Zakat yang diberikan kepada golongan yang dalam kesusahan (*dharurat*) dan kurang berkemampuan ini mampu mengembalikan mereka kepada kehidupan seperti sediakala. Oleh yang demikian, zakat dilihat sebagai satu daripada mekanisma yang efektif untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir selain daripada bantuan-bantuan lain yang disalurkan oleh masyarakat. Namun, kedudukan mangsa banjir sama ada layak menerima zakat ataupun tidak, perlu dikaji secara mendalam agar ia menepati syarak. Sekiranya mangsa banjir dikategorikan sebagai penerima zakat, maka ia perlu diletakkan di bawah salah satu daripada lapan golongan asnaf yang wajib menerima zakat.

DEFINISI BANJIR DAN MANGSA BANJIR

Pendefinisian banjir dapat menjelaskan kedudukan mangsa banjir sebagai penerima zakat mengikut kategori asnaf yang telah ditentukan. Sekiranya kategori mangsa ini dapat dikenalpasti, maka ia akan memudahkan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan pembahagian zakat sewajarnya kepada mereka yang memerlukan bantuan dengan kadar segera.

Definisi Banjir

Banjir didefinisikan sebagai badan air, yang melimpah keluar dari tebing sungai, tasik atau sistem perparitan yang disebabkan oleh hujan lebat, pencairan ais, air pasang, dan halangan pada saluran. Tidak terdapat kategori khusus bagi banjir di Malaysia, namun ia sering dikategorikan sebagai banjir bermusim, banjir kilat atau banjir pasang surut (Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 2013). Banjir juga dikategorikan berdasarkan kepada lokasi, ciri-ciri, sebab berlaku, bila ianya berlaku dan panjang tempohnya (Marvin Dougal, 1969).

Banjir yang teruk menenggelamkan kawasan penempatan penduduk yang rendah dan ianya boleh berpunca daripada pelbagai sudut alam sehingga meninggalkan kesan yang buruk terhadap kemusnahan harta benda dan kematian (Mohd Suffiyan Satar, 2010). Kesimpulannya, banjir adalah merupakan suatu kejadian yang berlaku sehingga menyebabkan gangguan kepada seluruh aktiviti manusia. Banjir juga boleh menjadi penyebab utama penderitaan, kerosakan harta benda, kehilangan nyawa, dan kerugian ekonomi kepada mangsa banjir.

Definisi Mangsa Banjir

Mangsa banjir terdiri daripada kalangan mereka yang menghadapi kesukaran untuk hidup dan hilang punca rezeki dalam sekelip mata. (Noraini Ali, 2015). Mereka menghadapi kesukaran mendapatkan keperluan hidup kerana kemusnahan harta benda dan mengalami masalah ekonomi setempat akibat daripada bencana banjir. Keadaan-keadaan yang sukar seperti hilang tempat tinggal, makanan yang tidak mencukupi dan kemusnahan harta benda ini dilihat semakin buruk jika mereka yang terlibat sebagai mangsa tidak diberikan bantuan segera. (Higgins & Roger John, 1982).

Daripada dua definisi ini, dapat dijelaskan bahawa mangsa banjir merupakan golongan yang ditimpa bencana banjir dan mengalami pelbagai penderitaan akibat

daripada bencana tersebut. Mereka diuji dengan kesukaran untuk mengembalikan semula kehidupan seperti asal dan perlu kepada bantuan luar untuk meneruskan hidup.

HASIL KAJIAN

Artikel ini menilai kedudukan mangsa banjir sebagai penerima zakat. Kajian mendapati bahawa terdapat dua pendapat ulama, iaitu pendapat pertama dikategorikan sebagai asnaf *fi sabilillah* dan asnaf fakir, manakala pendapat kedua sebagai asnaf *al-gharimin*. Status darurat dalam konteks asnaf *al-gharimin* dikenalpasti dalam kajian ini, sekali gus beberapa skim bantuan zakat turut dicadangkan berdasarkan prinsip-prinsip agihan zakat kepada mangsa banjir.

KEDUDUKAN MANGSA BANJIR SEBAGAI PENERIMA ZAKAT

Mangsa banjir menghadapi kesukaran hidup disebabkan kemusnahan yang berlaku terhadap harta benda mereka. Terdapat juga di antara mereka yang hilang punca rezeki disebabkan bencana tersebut. Kesulitan yang dialami oleh mereka perlu dilihat sebagai perkara yang *dharurat* yang memerlukan kepada rawatan segera. Maka terdapat sebahagian daripada ulama yang menyatakan bahawa mereka termasuk di dalam kategori asnaf zakat.

Namun, kedudukan mereka sebagai penerima zakat perlu diteliti daripada pelbagai sudut, antaranya adalah penentuan berdasarkan analisis hukum yang telah dihuraikan oleh para ulama. Terdapat dua pendapat yang dikenalpasti dalam kajian ini. Pendapat pertama menyatakan bahawa mangsa banjir adalah tergolong dalam asnaf *fi sabilillah* dan asnaf fakir miskin, manakala pendapat kedua menyatakan bahawa mangsa banjir tergolong dalam asnaf *al-gharimin*.

Pendapat Pertama: Asnaf Fi Sabilillah dan Asnaf Fakir

Sebahagian ulama berpendapat bahawa mangsa bencana alam tergolong dalam kategori asnaf *fi sabilillah*. Antaranya adalah al-Razi, Ibn Qudamah, Anas Ibn Malik, dan Shaikh Mahmud Shaltut (al-Razi, 1995: 115). Dalam era perkembangan mazhab fiqh, fuqaha telah berusaha mentafsirkan *fi sabilillah* sesuai dengan pemahaman mereka terhadap *nas* dan realiti semasa. Walau bagaimanapun, ia telah memberikan pandangan yang berbeza. Ibn Qudamah dalam *al-Mughni* menyatakan bahawa Anas dan al-Hassan al-Basri pernah menyatakan bahawa “apa yang anda salurkan pada pembinaan jambatan dan jalan ia adalah sedekah yang diterima” (Ibn Qudamah, 1995: 104).

Dalam *Sharh al-Azhar* turut dinyatakan bahawa harus disalurkan zakat untuk kepentingan umum umat Islam dan ini adalah *nas* atau keterangan Imam al-Hadi. Maka *fi sabilillah* bermaksud kepentingan-kepentingan umum yang tidak dimiliki oleh sesiapaupun hanya untuk jalan Allah dan untuk kepentingan manusia sahaja. Kepentingan umum yang dimaksudkan adalah mengutamakan persiapan perang bagi mempertahankan kehormatan daripada musuh, termasuklah peralatan yang canggih, hospital tentera dan awam, serta pembinaan jalan bagi tujuan berdakwah. Oleh itu, dibolehkan penyaluran zakat bagi tujuan pembinaan masjid dengan syarat mengikut keperluan sahaja (Mahmud Shaltut, 1991 :119).

Menurut Imam Abu Hanifah, orang fakir dan miskin merupakan orang yang tidak memiliki nisab zakat. Terdapat juga pendapat daripada madhhab Hanafiyy yang menyatakan sekiranya seseorang itu mampu bekerja dan menyara diri dan keluarga, maka ia tidak boleh dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin. Madhhab ini berpegang dengan pemilikan nisab zakat sebagai asas dalam penetapan definisi asnaf fakir dan miskin (Mahmood Zuhdi, 2003). Bagi fuqaha madhhab Malikiyy, Shafi’iyy dan Hanbaliyy tidak perlu berasaskan nisab tetapi berdasarkan pemilikan sara hidup yang cukup. Berdasarkan asas ini, mereka berpendapat bahawa orang fakir miskin ialah golongan yang tidak memiliki harta atau sumber pendapatan yang mencukupi bagi sara hidup dirinya sendiri atau mereka yang berada di bawah tanggungannya (Mahmood Zuhdi, 2003).

Penafsiran asnaf miskin lazimnya ditentukan melalui pendapatan harian atau bulanan individu dan isi rumah. Dalam erti kata lain pekerjaan dan pendapatan yang menjadi kayu ukur. Namun dalam kes mangsa banjir, kemiskinan yang dihadapi adalah bersifat sementara dan mangsa banjir belum tentu akan kehilangan kerja dan pendapatan bulannya. Pendapatan bulannya berkemungkinan dapat menampung keperluan asas harian jika diperolehi. Keadaan ini telah mengeluarkan mangsa banjir daripada kelompok kemiskinan yang layak menerima zakat (Mohd. Anuar Ramli et.al, 2015). Oleh sebab itu, pendapat yang mengatakan mangsa banjir ini adalah termasuk di bawah kategori asnaf fakir miskin dilihat bersifat sementara dan bukan lah akibat daripada bencana itu, mereka hidup sengsara, tidak mempunyai harta dan tenaga untuk memenuhi penghidupannya, mahupun hidup dalam keadaan kekurangan.

Pendapat Kedua: Asnaf Al-Gharimin

Imam Nawawiyy pernah menyatakan bahawa al-gharimin tidak boleh diberi zakat kecuali setelah mereka benar-benar mengalami kesusahan. Namun, Sulaiman al-Asqar (2009) pula menguatkan pendapat tersebut dengan menyatakan bahawa baitulmal boleh mengeluarkan zakat untuk asnaf *al-gharimin*, apabila berada dalam keadaan kesusahan hingga beberapa bulan atau sudah masuk dalam keadaan kesusahan dan kesengsaraan. Jika mereka masih menerima zakat dalam beberapa tahun atau lebih dari satu tahun maka mereka tidak lagi berhak menerima zakat untuk melunaskan hutang, kecuali keadaan orang yang memberikan hutang itu berada dalam keadaan sakit atau sangat memerlukan bantuan.

Othman Mustapha (2014) menjelaskan, fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan dan beberapa negeri telah mentafsirkan bahawa, antara pihak yang digolongkan sebagai asnaf *al-gharimin* ialah mereka yang terkena bencana alam atau mengalami kemudaratan sahaja. Walau bagaimanapun menurutnya, perkara itu bergantung kepada negeri-negeri terlibat dalam menentukan sama ada mangsa banjir tersebut layak menerima zakat atau sebaliknya. Ini kerana enakmen zakat di setiap negeri adalah berbeza. Ia terpulang kepada mufti di setiap negeri bagi mengeluarkan fatwa berhubung kategori asnaf *al-gharimin* terhadap mangsa banjir. Namun, mangsa banjir yang sebelum ini yang tergolong dalam lapan asnaf antaranya asnaf fakir dan miskin serta pernah menerima agihan zakat sebelum ini tetap layak menerima zakat.

Mangsa banjir boleh dikategorikan dalam golongan ke enam (asnaf *al-gharimin*) iaitu mereka yang terpaksa berhutang dalam hal yang tiada maksiat namun tidak menemui jalan untuk melunaskannya (Zulkifli Mohamad, 2014). Mahmood Zuhdi (2003) turut menjelaskan bahawa sebahagian ulama menganggap banjir adalah bencana yang menyebabkan harta benda mereka musnah dan memerlukan kepada bantuan dan terpaksa berhutang sama ada untuk diri mereka atau keluarga mereka.

Justeru, kebanyakan ulama memasukkan golongan seperti ini dalam kategori asnaf *al-gharimin* iaitu orang yang berhutang. Sebahagian ulama mensyaratkan jenis hutang ini adalah yang bersifat darurat dan keperluan serta bukan untuk kemewahan atau untuk keseronokan sahaja. Oleh yang demikian, Sanep Ahmad et.al (2015) menyimpulkan bahawa zakat harus diberikan kepada golongan yang dilanda kemudaratan atau terlibat dalam bencana sama ada banjir besar, puting beliung, tanah runtuh, gempa bumi dan lain-lain yang menyebabkan kediaman mereka musnah, serta dan hilang punca rezeki.

Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak berpendapat juga, boleh menggunakan wang zakat untuk disumbangkan kepada mangsa banjir iaitu dikategorikan sebagai asnaf *al-gharimin*. Ini kerana melihat kepada keperluan mereka yang mendesak sehingga terdapat mangsa banjir yang kehilangan harta benda termasuk kenderaan, tempat tinggal dan juga perniagaan ternakan yang menjadi sumber pendapatan hidup. Mereka sangat memerlukan bantuan kerana kehilangan harta benda. Walaupun mereka tidak berhutang tetapi pada hakikatnya mereka adalah "dalam berhutang untuk hidup".

Kenyataan ini diperjelaskan lagi dengan fatwa Yusuf Al-Qaradhawiyy (1973), "*Aku khususkan yang mengenai sifat al-gharimin bagi golongan yang terkena bencana alam*

sehingga binasa harta bendanya dan terpaksa kepada berhutang maka hukumnya dibolehkan". Kesan daripada perbincangan ini, jelas bahawa mangsa banjir sangat memerlukan bantuan sehinggakan makanan dan pakaian juga memerlukan bantuan daripada luar. Justeru mereka layak dikategorikan sebagai golongan asnaf yang berhutang dalam memperoleh keperluan asas serta menjalani hidup seperti biasa.

STATUS DARURAT DALAM KONTEKS ASNAF AL-GHARIMIN

Islam telah menetapkan hukum yang khusus untuk menghadapi situasi darurat yang mengharuskan seseorang untuk melakukan sesuatu yang dilarang dalam situasi biasa. Ia bertepatan dengan prinsip Islam yang memberi kemudahan kepada umat serta menghindarkan daripada kesulitan. Dalam hal ini, setiap mangsa kebiasaannya memerlukan bantuan mengikut kadar kemusnahan dan kerugian yang dialami akibat daripada bencana tersebut. Terdapat kemungkinan aset atau harta bendanya ranap sebahagian kecil, rosak sebahagiannya atau musnah keseluruhannya.

Darurat bermaksud keterpaksaan yang sangat mendesak yang dikhuatiri akan menimbulkan kebinasaan atau kematian. Dalam keadaan darurat, seseorang diharuskan melakukan perkara yang pada asalnya mempunyai hukum haram sebagaimana yang termaktub dalam kaedah fiqh yang masyhur iaitu *al-dharurat tubih al-mahzhurat* (darurat mengharuskan yang haram). Daripada kaedah itu, dapat diketahui bahawa darurat merupakan keadaan terpaksa yang berkaitan dengan pemeliharaan jiwa namun, haruslah keadaan darurat itu dianggarkan sekadar keperluannya sahaja (Mohd Sukki Othman, 2010).

Rumusan perbincangan di atas adalah, mangsa banjir boleh menerima bantuan daripada dana zakat sebagai hak asnaf al-gharimin kerana mereka terpaksa berhutang untuk meneruskan hidup. Perkara ini adalah berdasarkan kepada keadaan darurat yang merujuk kaedah fiqh '*al-dharurat tuqaddar biqadariha*' yang membawa maksud kemudharatan tersebut mestilah bertepatan dengan kadarnya sahaja.

CADANGAN SKIM BANTUAN ZAKAT

Skop perbincangan mangsa banjir memfokuskan kepada bantuan yang diberi, hendaklah mengikut kadar yang membolehkan mereka meneruskan hidup iaitu memperoleh makanan, pakaian serta keperluan asas. Hal ini kerana, penelitian terhadap hukum pemberian zakat mendapati beberapa keadaan yang harus dipertimbangkan agar dana zakat dapat diagihkan oleh pengurus zakat, iaitu berdasarkan kepada prinsip-prinsip agihan zakat (Sanep Ahmad, 2009).

Prinsip-Prinsip Agihan Zakat

Harta zakat diagihkan mengikut keperluan asnaf berdasarkan keutamaan. Hal ini adalah untuk memastikan urusan agihan zakat benar-benar menepati kehendak syariah dan memenuhi keperluan ummah. Konsep dan prinsip yang terdapat dalam kitab-kitab atau peraturan yang sedia ada tidak berupaya memenuhi kehendak dan cabaran agihan zakat pada masa kini dan akan datang (Mohd Saufi Ismail, 2010).

Istif'ab (Menyeluruh)

- i. Harta zakat wajib diagihkan kepada semua asnaf. Walau bagaimanapun, jumlahnya tidak semestinya sekata iaitu 1/8 bagi setiap asnaf. Bahagiannya boleh berbeza mengikut keperluan serta mengikut golongan yang diutamakan dan yang boleh dikemudikan.
- ii. Golongan yang terawal dan diberi keutamaan ialah fakir, miskin dan amil, manakala golongan yang boleh dikemudikan ialah *mualaf*, *fi sabilillah*, *ibnu sabil*, *al-riqab*, dan *al-gharimin*.

Ikhtisas (Ketetapan)

- i. Harta zakat hanya diagihkan kepada lapan asnaf yang disebut Allah swt di dalam surah al-Tawbah ayat 60.

- ii. Tiada *ijtihad* lagi dalam masalah menentukan asnaf yang menerima zakat kecuali pada perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan agihan kepada asnaf.
- iii. Sebarang "*Qiyas*" yang hendak dibuat mesti tidak keluar dari asnaf yang lapan.
- iv. Pengagihan kepada yang menetap di negeri pembayar zakat dalam tempoh yang ditetapkan.

Hak

- i. Zakat adalah hak, maka harta zakat mesti disalurkan kepada asnaf. Polisi atau prosedur agihan wajar dibuat bagi melicinkan proses agihan tetapi tidak boleh hingga menafikan hak asnaf.
- ii. Wang zakat diagih mengikut keperluan semasa asnaf.

Muraqabah (Pengawasan)

- i. Semua agihan zakat dilakukan dengan pengawasan dan kawalan pemerintah.
- ii. Sebarang pengagihan zakat yang meragukan perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Zakat Dan Fitrah.
- iii. Setiap peringkat kelulusan dan keputusan hendaklah dibuat berdasarkan sifat-sifat takut kepada Allah, bertanggungjawab, ikhlas dan amanah.

Al-Kifayah (Mencukupi)

- i. Menepati keperluan asasi sebenar.
- ii. Berdasarkan kepada hak yang ditentukan Syarak.
- iii. Pemohon diberi hak menerima zakat apabila tidak memenuhi had kifayah.
- iv. Penentuan kelayakan berdasarkan had kifayah sesuatu kawasan.

Fawran (Serta merta)

- i. Agihan dilakukan dengan segera selepas dikenalpasti layak menerima zakat.
- ii. Kakitangan yang terlibat memproses permohonan hendaklah menjalankan tugas dengan segera bersesuaian dengan prinsip Muraqabah.
- iii. Wang zakat tidak seharusnya disimpan atau berbaki.

Prinsip-prinsip di atas membuktikan bahawa agihan zakat menurut Islam adalah bersifat sistematik dalam membela hak asnaf yang disebut di dalam al-Quran. Pihak berkuasa tidak boleh sewenang-wenangnya menyerahkan hasil kutipan zakat tanpa diteliti dahulu kategori asnaf tersebut. Bahagiannya boleh berbeza mengikut keperluan serta mengikut golongan yang diutamakan dan yang boleh dikemudiankan (Sanep Ahmad et.al, 2009).

Sebagai contoh, keperluan mangsa banjir yang mengalami kerugian adalah berbeza mengikut tahap kesulitannya. Terdapat di kalangan mereka yang hanya kehilangan sumber pendapatan tetapi masih mempunyai tempat tinggal dan ada di kalangan mereka yang hanya tinggal sebatang kara. Dalam keadaan ini, agihan tersebut perlu dilakukan dengan segera selepas dikenalpasti mereka layak menerima zakat, bergantung kepada pihak pengurusan zakat di negeri masing-masing. Berdasarkan kepada prinsip agihan di atas, maka jenis dan jumlah bantuan zakat yang sepatutnya diberikan kepada mangsa banjir dapat diterangkan seperti di bawah:

Cadangan Skim Bantuan kepada Mangsa banjir

Majlis Agama Islam Negeri atau Pusat Zakat di Malaysia telah menyediakan pelbagai skim bantuan untuk asnaf *al-gharimin*. Dana zakat yang terkumpul akan disalurkan kepada asnaf melalui skim-skim ini. Berikut adalah skim-skim bantuan zakat kepada asnaf *al-gharimin* mengikut negeri-negeri di Malaysia;

Negeri	Jenis dan Skim Agihan/Bantuan
Johor	Skim Bantuan Menjelaskan Hutang Skim Bantuan Segera (Kecemasan)

Kedah	Bantuan Kepada Orang Yang Berhutang
Kelantan	Bayaran Keperluan Darurah
Melaka	Bantuan Kewangan
Negeri Sembilan	Bantuan Membayar Hutang Keperluan Asasi (perlindungan, pakaian, makanan, perubatan, pendidikan) Bantuan Bencana Alam/Musibah (banjir, rumah terbakar, kerosakan akibat tanah runtuh atau ribut taufan)
Pahang	Menebus Tanah Orang Islam Tergadai Orang Yang Berhutang Untuk Menegakkan Islam Orang Yang Berhutang Kerana Keperluan Asas (makanan, kematian, dll)
Perak	Bantuan Kecemasan/Segera Bantuan Penyelesaian Hutang
Perlis	Bantuan Bencana Bantuan Kecemasan Luar Jangka
Pulau Pinang	Kesusahan Berat/Hutang
Sabah	Bantuan Melangsaikan Hutang (Asasi)
Sarawak	Bantuan Kecemasan/Bencana Alam Bantuan Bagi Asnaf al-Gharimin (Menyelesaikan Hutang)
Selangor	Hutang Kerana Keperluan Hidup Hutang Persatuan Kerana Permasalahan Ummah
Terengganu	Bantuan Golongan yang Terpaksa Berhutang Untuk Keperluan Asas Bantuan Pengurusan Jenazah Tanpa Waris
Wilayah Persekutuan	Bantuan Segera Bantuan Musibah

Jadual (1): Jenis dan Skim Agihan/Bantuan

Jadual (1) di atas menunjukkan skim bantuan zakat kepada asnaf al-gharimin mengikut negeri-negeri di Malaysia. Didapati bahawa skim bantuan yang disediakan merangkumi bantuan asas yang diperlukan oleh asnaf *al-gharimin*. Berdasarkan jadual tersebut, skim bantuan yang diberikan oleh Negeri Sembilan dilihat lebih relevan dengan mangsa banjir berbanding skim yang telah disediakan oleh negeri-negeri lain. Hal ini kerana bantuan yang diberikan meliputi bantuan yang membolehkan penerima zakat membayar hutang keperluan asasi mereka seperti perlindungan, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan. Negeri Sembilan juga turut menyediakan bantuan bencana alam/musibah seperti dalam kejadian banjir, rumah terbakar, kerosakan akibat tanah runtuh atau ribut taufan, yang bersesuaian dengan skim bantuan mangsa banjir yang dicadangkan.

Pusat zakat berperanan penting sebagai organisasi yang bertanggungjawab menguruskan kutipan zakat dan mengagihkannya kepada golongan yang kurang bernasib baik. Justeru, bantuan yang akan diberikan kepada mangsa banjir hendaklah bersifat segera yang merangkumi keseluruhan keperluan. Hal ini kerana bantuan tersebut mampu memulihkan kehidupan mereka kepada sedia kala. Merujuk kepada beberapa definisi yang telah dikaji, *al-gharimin* telah dipersetujui oleh kebanyakan negeri (Terengganu, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) sebagai golongan yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak. Oleh itu, jumlah bantuan dan agihan yang sekadarnya mengikut kaedah fiqh *al-darurat tuqaddar biqadariha* adalah bertepatan dengan skim yang disediakan oleh kebanyakan negeri yang mengambil pendekatan madhhab Shafi'iy.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa mangsa banjir berhak menerima bantuan zakat kerana mereka tergolong dalam asnaf *al-gharimin*. Hal

ini adalah kerana keadaan mereka yang *dharurat* dan memerlukan kepada bantuan segera. Perkara ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang masyhur iaitu *al-dharurat tubih al-mahzhurat* (darurat mengharuskan yang haram).

Justeru, darurat merupakan keadaan terpaksa yang berkaitan dengan pemeliharaan jiwa. Kajian mencadangkan skim bantuan kepada mangsa banjir berbentuk skim bantuan kewangan dan skim bantuan keperluan asas yang bersifat segera. Majlis agama Islam setiap negeri perlu menilai kembali tahap kesusahan yang dialami oleh mangsa banjir untuk menentukan kelayakan dan skim bantuan yang akan diberikan kepada mereka.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdullaah Jalil. 2011. *Al-Qawaid Al-Fiqhiyyah*. Kursus Sijil Tinggi Muamalat(Asas) – ILMI. Institut Latihan Islam Malaysia (ILMI).

Abdul Ghafar, I. & Hailani Muji, T. 2006. *Zakat: Pensyariatan, perekonomian dan perundangan*. Penerbit UKM: Bangi.

Aliyy Ahmad al-Nadwiyy. 1414H/1994M. *al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Dar al-Qalam, ed. 3. Damsyiq, Syria.

Al-Zuhaili, Wahbah. 1996. *Fiqh dan Perundangan Islam* (terj.) Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Azman Ab Rahman, Hasanah Abd Khafidz. 2015. *Ensiklopedia Asnaf dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.

Hairunnizam Wahid, (2009), *Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?*. Jurnal Syariah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Hasanah Binti Abd Khafidz. 2006. *“Asnaf Lapan: Kesan Nilai Semasa Dan Setempat Dalam Pentafsirannya Di Malaysia”* (tesis kedoktoran, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Petaling Jaya, Kuala Lumpur.

Idris Ahmad S.H. 1996. *Fiqh Syafi'i, Jilid 1*. Penerbitan Pustaka Antara. Kuala Lumpur.

Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Mohd Saufi Ismail. 2005. *Kajian Terhadap Corak Agihan Dan Pembentukan Modul Agihan Zakat Di Kalangan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Negeri Pantai Timur*.

Mujaini Tarimin. 2012. *Zakat Al-Mal Al-Mustafad: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Pusat Pungutan Zakat. Kuala Lumpur.

Rif'at Abd Latif Masyhur. 2010. *Zakat Penjana Ekonomi Islam*. Al-Hidayah Publication. Batu Caves, Selangor.

Sanep Ahmad Hairunnizam Wahid. 2004. *Potensi dan Cabaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Sektor Pertanian*. Kertas Kerja dibentangkan di Daya Saing Ekonomi Dan Sosial Ke Arah Pemantapan Pembangunan Ekonomi. Fakulti Ekonomi & Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Wahbah al-Zuhaili. 2005. *Fiqh Perundangan Islam: Jilid iv*. Terj. Md.Akhir Haji Yaakob. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. 2015. *Fatwa Semasa: Kutipan dan Agihan Zakat*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pembentukan Semula Hala Tuju Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia.

Laman Sesawang

Laporan tahunan Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Laporan tahunan 2003 hingga 2007 diambil pada 5 Mei 2009 daripada <http://zakat.com.my/laporan/bukulaporan.html>

Portal Bencana. 2014. Bencana Terkini di Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. <http://portalbencana.mkn.gov.my/Portal/>

Portal Rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. 2013. Pengurusan Banjir, Program & Aktiviti. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
<http://www.water.gov.my/our-services-mainmenu-252/flood-mitigation-mainmenu>